

INFO TERJUN

VENUE: Pusat Renang Optus

TARIKH: 11-14 April

SASARAN PINGAT: Tiada

**PENCAPAIAN
GLASGOW 2014:**

1 emas, 2 perak, 1 gangsa

ATLET:

WANITA

Cheong Jun Hoong
Pandelega Rinong
Leong Mun Yee
Nur Dhabitah Sabri
Jasmin Lai Pui Yee
Kimberly Bong

LELAKI

Ooi Tze Liang
Gabriel Gilbert Daim
Hanis Nazirul Jaya
Jellson Jabillin
Muhammad Syafiq Puteh
Chew Yiwei
Ahmad Amsyar Azman

Skuad terjun sasaran ulang pencapaian di Glasgow

KUALA LUMPUR 28 Mac - Kejurulatihan baharu yang mengambil alih skuad terjun negara bermula Disember lalu bakal berdepan cabaran besar iaitu sama ada mampu mengekalkan atau memperbaiki pencapaian empat tahun lalu menjelang Sukan Komanwel Gold Coast di Queensland, Australia, bulan depan.

Jika dahulu bekas jurulatih dari China, Yang Zhuliang dilihat pencetus kejayaan skuad terjun apabila berjaya melahirkan juara dunia, Cheong Jun Hoong dan mencipta pelbagai kejayaan bersama skuad negara, namun, disebabkan kontroversi melanda mengakibatkan dia dipecat, tahun lalu.

Skuad terjun negara ketika ini dikendalikan oleh pemangku ketua jurulatih terjun kebangsaan, Zhang Yukun dan jurulatih dari Australia, Christian Brooker.

Sekiranya dilihat kemampuan dan prestasi skuad negara ketika ini, misi mereka membawa



pulang pingat bukan sesuatu yang mustahil tambahan tanpa pembabitan seteru utama mereka iaitu China dalam temasya ini, namun, kehebatan penerjun England, Kanada dan Australia tidak boleh dipandang mudah.

Pencapaian empat tahun lalu ketika temasya di Glasgow 2014, England menguasai carta pungutan pingat dengan meraih empat pingat emas diikuti Kanada (3) dan Australia (2) manakala Ooi Tze Liang menyumbangkan emas tunggal buat negara dalam acara

tiga meter papan anjal.

Bagaimanapun, kemantapan gandingan Jun Hoong dan Pandelega Rinong menghadiahkan perak dalam acara 10 meter platform seirama dalam Siri Piala Dunia di Beijing, baru-baru ini mencerahkan peluang negara memperbaiki pencapaian empat tahun lalu.

Namun, kecederaan Jun Hoong, Pandelega dan Leong Mun Yee sedikit meresahkan kem negara.

Setiausaha Kehormat Kesatuan Renang Amatur Malaysia (ASUM), Mae Chen berkata, kecederaan tiga penerjun itu tidak begitu membimbangkan dan persediaan penerjun ketika ini dalam keadaan terbaik, sekali gus pihaknya yakin mereka mampu mengekalkan prestasi empat tahun lalu.

Katanya, secara realistik penerjun akan cuba mengekalkan empat pingat yang diraih empat tahun lalu iaitu satu emas, dua perak dan satu gangsa.

Bagaimanapun, Mae Chen dilihat lebih suka mengambil jalan selamat dengan enggan meletakkan sebarang sasaran pingat.

Kelibat penerjun muda seperti Hanis Nazirul Jaya Surya dan Jellson Jabillin juga boleh diharapkan untuk melakukan kejutan biarpun prestasi Nur Dhabitah Sabri agak tidak menentu.

"Saya harap kesemua penerjun negara dapat mempamerkan prestasi terbaik nanti. Dhabitah, biarpun dia tidak dapat beraksi dengan baik dalam dua Siri Piala Dunia, baru-baru ini, situasi itu mungkin berubah di Komanwel nanti.

"Asum tidak meletakkan sebarang sasaran pingat cuma mungkin mengekalkan pencapaian empat tahun lalu," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia*.

CHEONG
JUN
HOONG

